



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 APRIL 2021 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

28 APRIL 2021 (RABU)



Price Catcher bantu pengguna membuat perbandingan harga

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

MENJELANG musim perayaan, bagaimanapun menjadi satu kebiasaan apabila harga barang basah meningkat.

Permintaan barang basah yang bertambah ketika musim perayaan daripada pengguna mendorong segerintit peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang tersebut.

Sikap seseorang peniaga yang ingin mengutamakan kuantiti berlipat kali ganda ini sedikit sebanyak telah membekalkan pengguna yang semakin tersebut akibat pandemik Covid-19.

Timbuhan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, dalam hal ini, kuasa pengguna sangat penting apabila berhadapan dengan isu kenaikan harga barang.

Menurutnya, pengguna berhak untuk memilih sama ada untuk membeli atau tidak barang tersebut ketika harganya melambung tinggi.

"Ketika saya turun padang membuat pemeriksaan harga barang di sebuah pasar di Kuala Terengganu, Terengganu minggu lalu, ramai peniaga mengeluh jualan mereka merosot kerana pelanggan tidak mahu membeli ayam pada harga mahal.

"Rasmi pelanggan yang hadkan pembelian. Jika biasanya mereka beli dua ekor, sebab harga naik mereka

Ketika kecoh harga ayam mahal sehingga mencecah RM10 sekilogram baru-baru ini, apabila saya semak aplikasi Price Catcher, beberapa pasar raya besar dan pasar raya mini di Pulau Pinang menjual ayam pada harga serendah RM6.99 sekilogram."

hanya membeli setengah ekor. Di sini kita boleh lihat kesan kuasa pengguna itu sendiri," katanya.

Tambahnya, tindakan itu sedikit sebanyak memberi kesan kepada peniaga, tetapi itulah peranan dan hak sebagai pengguna yang boleh dipraktikkan.

Dengan tindakan sedemikian, peniaga mungkin akan menurunkan harga barang tersebut.

Apa yang penting, jelasnya, berbelanjalah dengan berbenah.

Rosol menegaskan, kadangkala apabila beliau berkata demikian, ada pihak yang mengelarannya dan mengatakan beliau mahu mengajar pengguna.

Tetapi, ujarnya, itulah hakikat yang perlu diakui oleh semua pihak bahawa pengguna mempunyai kuasa yang sangat besar.

Selain itu, pengguna harus sentiasa

membuat perbandingan harga sebelum membeli barang bagi mengelak menjadi mangsa manipulasi harga oleh peniaga yang cuba mengambil kesempatan.

Dalam membantu pengguna di luar sana melakukan perbandingan harga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut membangunkan aplikasi Price Catcher.

Rosol menjelaskan, aplikasi tersebut membantu pengguna membuat perbandingan harga dan memilih lokasi berhampiran yang menjual barang keperluan pada harga paling rendah.

"Sebagai contoh, ketika kecoh harga ayam mahal di Pulau Pinang sehingga mencecah RM10 sekilogram baru-baru ini, apabila saya semak aplikasi Price Catcher, beberapa pasar raya besar dan pasar raya mini di Pulau Pinang menjual ayam pada harga serendah RM6.99 sekilogram.

"Saya pernah bertanya beberapa pelanggan pasar baahar yang saya temui ketika turun membuat pemeriksaan, mengapa mereka tak nak beli ayam di pasar raya, jawapan mereka sebab ayam di pasar raya tak segar," katanya.

Tambahnya, tetapi sebenarnya persepsi itu salah kerana kualiti ayam di pasar raya juga setanding dengan di pasar basah.

Jelasnya, ini kerana ia melalui proses dan prosedur yang ketat terutama dari segi kebersihan dan kesegaran barang.

Tegasnya lagi, kesedaran pengguna terhadap kemudahan Price Catcher ini masih rendah dan KPDNHEP sedang giat

menjalankan usaha berterusan dalam mempopularkan penggunaan aplikasi itu dalam kalangan pengguna.

Dalam pada itu, melalui aplikasi itu, pengguna dapat menjimatkan masa dan kos apabila membuat perbandingan harga antara premis yang menjual barang keperluan di sesuatu kawasan.

Ia boleh dilakukan dengan hanya menggunakan hujung jaril di perantai pintar.

Aplikasi Price Catcher itu juga turut dilengkapi dengan fungsi mesra pengguna.

Antara fungsi yang terdapat dalam aplikasi tersebut termasuklah carian mengikut kategori, lokasi atau perkataan.

Selain itu, aplikasi berkenaan turut dilengkapi dengan fungsi perbandingan harga berdasarkan barang.

Pengguna boleh mengetahui berbanding harga untuk barangan sama yang dijual oleh peniaga berbeza.

Ini akan membantu pengguna membuat pilihan untuk mendapatkan barang pada harga yang lebih murah.

Dalam pada itu, aplikasi itu juga dilengkapi dengan fungsi arah pandu ke premis pilihan.

Melalui aplikasi itu, pengguna boleh berkinggai malah rumat harga atau promosi yang ada di sesuatu premis untuk pengetahuan pengguna yang lain.

Bagi pengguna yang ingin membuat turun aplikasi Price Catcher ke peranti pintar masing-masing, ia boleh dilakukan melalui platform GooglePlay dan AppStore.

30 peniaga ingkar dikompaun

KUALA TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu mengeluarkan kompaun terhadap 30 peniaga kerana didapati telah melakukan pelbagai kesalahan.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, daripada jumlah itu 13 peniaga dikompaun kerana gagal meletakkan tanda harga dan 10 lagi menggunakan alat timbang sukat tidak ditentusahkan.

"Kita turut mengeluarkan enam kompaun kepada peniaga yang gagal menggunakan tanda harga khas berwarna merah jambu manakala seorang lagi peniaga dikompaun kerana menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum ditetapkan."

"Sebelum tindakan kompaun diambil, teguran dan amaran telah diberikan terlebih dahulu kepada para-peniaga, namun masih ada yang ingkar mematuhi penetapan harga maksimum," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kompaun keseluruhan sebanyak RM3,150 itu dikeluarkan dalam tempoh enam hari pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 bermula 21 April lalu.

Sepanjang tempoh itu pihaknya telah memeriksa 453 premis di seluruh negeri bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

Peniaga tetap untung jual harga rendah

Sikap penjual di Kompleks Pasar Meru wajar dicontohi

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Klang: Meskipun mengenakan harga jualan lebih rendah berbanding harga maksimum ditetapkan kerajaan, peniaga di Kompleks Pasar Meru, di sini tetap berupaya meraih keuntungan.

EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mugnhi, berkata ia wajar dicontohi peniaga di tempat lain kerana sikap seperti itu membolehkan pengguna terutama golongan kurang berkemampuan membeli pada harga berpatutan.

Katanya, tinjauan ke pasar terabit bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, semalam mendapat barang yang dijual peniaga juga lebih cepat laris.

Beliau berkata, harga ditawarkan mengikut harga disyorkan kerajaan, iaitu ayam hidup RM6.80, ayam standard RM7.90, ayam super RM8.70 dan daging lembu tempatan RM34, daging kerbau import RM20, ikan kembung dan ikan mabong RM15 ser-



Mohd Zawawi (dua dari kiri) bersama pegawai kuasa KPDNHEP Selangor meninjau harga barang Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya di Pasar Awam Jalan Meru, Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

ta ikan selayang RM12 bagi setiap kilogram.

"Hari ini (semalam) saya bersama 20 pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP Selangor meninjau harga maksimum membabitkan empat jenis barang iaitu ayam, daging, ikan dan telur.

"Kami mendapati peniaga di pasar ini menjual pada harga lebih rendah antara RM1 hingga RM2 dan mereka mengakui masih meraih keuntungan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya bagi Selangor 2021 bersama KPDNHEP Selangor, di sini semalam.

Mohd Zawawi juga menggesa pengguna menggunakan kuasa sebagai pembeli bagi mengelak harga barang melambung tinggi.

"Kalau peniaga boleh jual dengan harga murah, itu lebih baik

mungkin ada harga lantai yang mereka rasa boleh ada untung dan barang mereka lebih laris serta cepat habis.

"Kalau mereka jual mahal, pembeli akan fikir dua tiga kali dan tidak membeli, akhirnya barang rosak dan tidak terjual," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Zawawi juga mengingatkan pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik menjelang Aidilfitri.

Bekalan ayam, daging mencukupi

Pengguna dinasihat
tidak lakukan
pembelian panik

Oleh MUHAMMAD
AMINURALIF MOHD ZOKI

KLANG

Bekalan bahan mentah terutama ayam dan daging bagi negeri Selangor dijangka mencukupi ketika sambutan Aidilfitri ini.

Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, masyarakat tidak perlu khawatir mengenai kekurangan barang tersebut.

“Jangan sesekali lakukan pembelian panik, beli seperti biasa,” katanya ketika melakukan tinjauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Pasar Besar Meru di sini pada



Mohd Zawawi (tengah) bersama pegawai KPDNHEP ketika menjalankan melakukau tinjauan SHMMP 2021 di Pasar Besar Meru pada Selasa.

Selasa.

Mengulas mengenai tinjauan yang dijalankan di pasar itu katanya, rata-rata peniaga mematuhi kadar harga yang ditetapkan.

“Ini sikap terbaik yang ditunjukkan oleh peniaga sekali gus ia membantu pengguna terutamanya golongan kurang berkecimpung membeli barang dengan harga berpatutan,” katanya.

Menurutnya, pihaknya akan

terus menjalankan pemantauan agar barang yang dijual tidak melampaui harga ditetapkan.

“Harga maksimum ini dilettakan supaya ia tidak dijual dengan harga yang mahal sekaligus membebankan pengguna. Kalau peniaga dapat jual murah dari harga yang ditetapkan itu sudah bagus,” katanya.

Sebelum ini, KPDNHEP mengenal pasti sebanyak 12 jenis barang bagi pelaksanaan SHMMP 2021.



KPDNHEP sentiasa memantau harga barang basah agar terkawal terutama pada musim perayaan.

Harga barang basah terkawal

SAUDARA PENGARANG.

MERUJUK forum bertajuk Fenomena asal raya, harga daging, ayam naik yang disiarkan dalam ruangan Forum Utusan Malaysia pada 27 April lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan bahawa dalam sistem ekonomi terbuka, harga barang termasuk makanan basah dipengaruhi oleh permintaan dan bekalan, tidak semestinya menjelang Hari Raya Aidilfitri sahaja.

Harga akan naik jika permintaan tinggi tetapi bekalan tidak dapat memenuhi permintaan.

Permintaan dan bekalan bukanlah sahaja faktor yang mempengaruhi harga. Faktor seperti iklim dan cuaca, harga makanan ternakan, kos pengangkutan serta pandemik juga mempengaruhi keseluruhan harga.

Sikap segelintir peniaga, pembekal dan pengeluar yang mengambil kesempatan turut menjadi faktor kenaikan harga. Berdasarkan data dari Penterak Ayam Utama Malaysia, bekalan ayam untuk rakyat sangat mencukupi dan tidak memerlukan pengimportan dari negara luar. Malah, ayam hidup keluaran negara di eksport ke Singapura. Begitu juga dengan telur ayam keluaran ladang-ladang di Malaysia.

Harga ayam sangat stabil ketika perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari lalu. Ketika itu, ayam standard dijual pada harga RM7.50 sekilo, sama dengan harga pada tahun 2019 dan 2020.

Bahagian Penguat Kuasa dan Bahagian Harga Barang Negara KPDNHEP mula mengesahkan kenaikan harga ayam standard pada akhir bulan Mac lalu terutama di pasar raya dan pasar raya besar. Harga ayam standard ketika itu mencecah RM9 per kilogram (kg) dan ada yang telah mencecah RM10 per kg di sejumlah tempat terpencil.

“

Permintaan dan bekalan bukanlah sahaja faktor yang mempengaruhi harga. Faktor seperti iklim dan cuaca, harga makanan ternakan, kos pengangkutan dan pandemik juga mempengaruhi keseluruhan harga.”

KPDNHEP mempercepatkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) untuk Hari Raya Puasa 2021 (HRP 2021) yang melibatkan ayam dan sebelas barang lain yang menampakkan tanda-tanda kenaikan. SHMM HRP2021 akan bermula pada 21 April dan berakhir pada 20 Mei ini.

Sementara barang utama keperluan Hari Raya Puasa yang lain seperti barang kering dan sayur-sayuran yang belum menerima tekanan dan kesan dari sudut permintaan dan harga, akan dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam senarai SHMMP menjelang hari raya.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) diperkenalkan bagi mengawal kenaikan harga yang tidak munasabah semasa musim perayaan dan secara tidak langsung mendatangkan manfaat kepada pengguna.

YUNUS TASIM
Ketua Komunikasi Korporat KPDNHEP

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 28/4/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam RM5.99	• Telur Gred A RM10.00	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM6.50
• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kembung RM8.90	• Bawang Besar Holland RM2.90	• Kubis Bulat Tempatan RM2.50
• Daging Lembu Import RM21	• Minyak Masak RM5.90	• Bawang Putih RM4.99	• Tepung Gandum RM2.09

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

28 APRIL 2021 (RABU)

Bukan lompat tetapi hijrah

MUKADIMAH

KETIKA mengumumkan keluar UMNO pada 2018 dan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Ahli Parlimen Hulu Terengganu, **DATUK ROSOL WAHID** menjelaskan, keputusannya dibuat demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat terutama para pengundirnya.

Menurut Rosol, tempoh enam bulan selepas UMNO kalah dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) menyebabkan rakyat di Parlimen itu terpinggir daripada sebarang perurutan yang disalurkan kerajaan pusat mahu pun negeri.

Walaupun dilabel enam jahanam, katak, murtad di samping pelbagai gelaran lain, namun Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu itu mengambil pendekatan terbuka dan tetap meneruskan khidmatnya kepada rakyat.

Kepada wartawan Utusan Malaysia, **ROSALINDA MD. SAID** dan juru foto, **PUQTRA HAIRY ROSLI**, Rosol berkongsi hala tujuinya untuk Parlimen Hulu Terengganu di samping isu politik antara Bersatu-Pas-UMNO ketika ditemui di Hulu Terengganu, Terengganu baru-baru ini.

UTUSAN : Datuk merupakan salah seorang yang digelar jahanam, katak dan murtad orang segelintir pemimpin politik. Tidakkah Datuk berkecil hati?

ROSOL : Orang nak cop saya katak, murtad, tiada pendirian atau apa sahaja, terpulanglah. Sebagai ahli politik saya terima dan terbuka asalkan tidak memfitnah saya. Bagi saya ini bukan lompat parti tetapi bershijrah daripada kurang baik kepada yang lebih baik untuk rakyat.

Kalau saya diuduk dalam keadaan pembangkang atau bersama parti lama, tidak banyak yang boleh dibuat untuk Hulu Terengganu. Untuk diri saya, tiada masalah sebab ada eluan pencen exco dan ahli Parlimen tetapi rakyat dapat apa?

Sebab itu kita kena tahu apa tujuan menjadi wakil rakyat. Di zaman sekarang untuk membantu rakyat bukan sekadar berjanji sahaja tetapi perlu dilaksanakan. Misalnya, jika atas rumah penduduk rosak atau anak mereka nak belajar tiada duit, kita ada peruntukan untuk



ROSOL ketika ditemubual wartawan Utusan Malaysia, Rosalinda.

membantu jika bersama dengan kerajaan. Jadi, saya menyeru rakyat Hulu Terengganu manfaatkan kesempatan saya sebagai Timbalan Menteri seoptimum mungkin untuk mendapatkan faedah. Kalau kita tanya wakil rakyat yang tidak melompat contohnya UMNO, sumbangan

mereka sepanjang dua tahun ini? Tiada.

Orang yang marah saya mungkin tidak berpuas hati secara peribadi. Nak serang masalah moral, baham projek atau rasuah, semuanya saya tiada. Saya yakin golongan itu merupakan kelompok anti-establishment tetapi

orang kenal siapa kita di Hulu Terengganu.

Apakah keutamaan Datuk pada masa kini?

Saya rasa bersalah kalau tidak membantu pengundi kerana dengan budi baik mereka membolehkan saya dan koluarga mendapat

nikmat yang banyak (eluan) bukan sahaja sekarang tetapi sehingga pencer dan meninggal dunia. Jadi, kita kena ada situasi menang-menang atau taawun (tolong-menolong). Anda bantu saya menang pilihan raya, saya bantu anda apabila memerlukan.

Bagaimana Datuk melihat pembangunan di Hulu Terengganu?

Di Hulu Terengganu, peruntukan yang diterima ialah RM3.5 juta setahun atau bersamaan RM17 juta dalam tempoh lima tahun. Alhamdulillah, kita sudah mendapat dua masjid baharu iaitu di Kampung Langgar bernilai RM5.7 juta dan di Kampung Jak RM1 juta. Di samping itu kita merintis kedai Prihatin Mart yang barangnya murah 30 peratus dari pasaran, menubuhkan Prihatin Delivery Centre (PDC) untuk pekerja penghantaran makanan berehat dan menganjurkan kelas Iqra untuk mereka yang bermasalah penglihatan. Kesemua ini antara usaha yang diberikan kepada rakyat sebab kita ada peruntukan. Lain-lain ialah



ROSOL sentiasa mendekati rakyat untuk memahami masalah yang dihadapi mereka.

pembangunan pejabat baharu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADDK) Hulu Terengganu (lebih RM2 juta), rancangan membuka Pejabat KPDNHEP Ajil dan mewujudkan transaksi tanpa tunai di Pasar Besar Kuala Berang selepas Hari Raya Aidilfitri.

Selain itu kita juga menyulurkan peruntukan sebanyak RM271,500 untuk program Gerobok Pribatin (GP) di 93 masjid, ihye' Ramadhan dan agihan kurma sepanjang Ramadhan. Menerusi program GP, setiap masjid diberikan RM1,000 untuk menyediakan barang makanan asas bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat Covid-19. Moto kita ialah ambil bila perlu, sumbang bila mampu.

POLITIK

Mengapa Datuk melibatkan diri dalam dunia politik?

Saya masuk politik not by choice tapi by chance dan saya tiada cita-cita untuk menjadi menteri besar, exco mahupun menteri. Malah, tidak pernah membayangkan memegang jawatan sejak terlibat dalam politik dari 1990. Saya pernah menolak tawaran sebagai Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Terengganu tetapi Pengerusinya ketika itu, Datuk Seri Idris Jusoh menyakinkan saya supaya menerima. Pada masa itu, saya berikan tiga syarat kepada Idris, pertama, kalau saya diajak rok (tak mampu) dan letak jawatan jangan berasi hati; kedua, kalau nampak saya tak boleh buat kerja beritalah dan ketiga, kalau ada orang lebih bagus daripada saya, gantikanlah.

Ada mengatakan Bersatu adalah pengkhianat?

Pengkhianat atau hero ini dinilai daripada perspektif masing-masing. Bagi yang menyokong kita, tentulah mengatakan kita hero tetapi di mata Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semua yang kerajaan Perikatan Nasional (PN) buat tidak betul dan walaupun betul akan diputarbelikan untuk mencetuskan kebencian rakyat.

Bolehkah kemelut Bersatu-UMNO selesai?

Tiada masalah yang tak boleh selesai, setiap penyakit ada ubatnya. Cuma

kita kena berlapang dada dan ketepikan sedikit rasa pentingkan diri, ego serta tamak. Dalam keadaan sekarang kita berada dalam satu pas yang dipandu Tan Sri Muhyiddin Yassin, kalau UMNO nampak lubang atau selekoh di hadapan, beritahu hal dan usah tindang kerusi pemandu dengan asyik meminta pilihan raya.

Sepatutnya semua dalam PN mengambil ikhtiar dengan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH). Lihat analogi Tun Dr. Mahathir Mohamad lakukan, beliau bukan sahaja mencampak Anwar keluar dari bas malah kenderaan itu turus masuk longkang hingga PH tumbang.

Bagaimana jika UMNO tidak mau berbalik?

Kalau itu keputusan UMNO, kita terima. Di Hulu Terengganu pun kita sudah putus apabila Pengerusi Badan Perhubungannya, Datuk Seri Ahmad Said mengumumkan supaya ketua bahagian lawan dalam PRU akan datang.

Bagaimana dengan agihan kerusi Pas-Bersatu di Terengganu? Adakah sudah di muktamadkan?

Setakat ini belum muktamad dan kita tak berbincang lagi tetapi kita sedar kekuatan serta

Saya rasa bersalah kalau tidak membantu pengundi kerana dengan budi baik mereka membolehkan saya dan keluarga mendapat nikmat yang banyak (elaun) bukan sahaja sekarang tetapi sehingga pencen dan meninggal dunia."

kelemahan Bersatu. Kita sentiasa ukur baju di badan sendiri. Walaupun diberikan kerusi oleh Pas tetapi kalau dikenal pasti tiada peluang menang, maka kita akan tarik diri daripada bertanding.

Prinsip kita mudah, iaitu masuk PRU dan menang. Jika ditakdirkan tiada kerusi yang boleh bertanding pun tak mengapa kerana bukan niat Bersatu muah berebut

kalau tidak terlibat kenapa perlu takut. Kita akui tiada siapa bersalah kerana semua bebas bercakap dengan sesiapa pun tetapi kesan lebih besar ialah apa pandangan ahli UMNO terhadap kepemimpinan yang kluk klek serta munafik. Sebelum ini semasa di persidangan agungnya mengajak 'no Anwar, no DAP'.

Adakah Datuk akan bertanding di Hulu Terengganu?

Terpulang kepada kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin. Kalau kata bertanding saya bertanding, kalau kata jangan maka saya tidak bertanding. Prinsip saya mudah sebab saya tiada cita-cita tinggi dalam politik. Rezeki yang saya miliki hari ini sudah cukup nikmat, daripada cuma seorang guru yang berasal dari keluarga miskin tiba-tiba duduk di kedudukan sekarang.

Mampukah Datuk ulangi kemenangan pada PRU akhir datang?

Saya yakin. InsyaAllah kita boleh mempertahankan lagi kerusi Parlimen Hulu Terengganu berdasarkan cara kita bekerja dengan sokongan rakan dan penyokong. Saya nampak politik di sini 30 peratus masing-masing UMNO dan Pas manakala yang menentukan menang atau kalah adalah golongan atas pagar.

Sekarang ini kita tengok suasananya sudah berbeza kerana orang muda tidak lagi mengutamakan parti sebaliknya cenderung memilih calon terutama yang 'senang kira mudah bahasa'. Yang kedua, keyakinan itu didorong oleh dalam keadaan orang UMNO kalah, tetapi saya boleh menang di samping hubungan akrab dengan Pas.

Bersatu tewas di Parlimen Hulu Terengganu pada PRU-14 lalu, adakah kali ini Datuk yakin pengundi akan mengundi Bersatu?

Ketika itu calon Bersatu bukan anak tempatan dan mungkin sekadar memenuhi kerusi. Saya tidak nampak situasi itu akan berlaku kepada saya kerana kita ada kawan, saudara, sahabat dan dikenali ramai di sini.



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

28 APRIL 2021 (RABU)

Rayuan 2 syarikat batal denda MyCC dibenarkan

Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Malaysia Airlines dan AirAsia Bhd untuk membatakan denda RM10 juta yang dikenakan terhadap kedua-dua syarikat penerbangan itu oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana didapati melanggar larangan perkongsian pasaran.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Hanipah Farikullah membenarkan rayuan kedua-dua syarikat penerbangan itu mengembalikan semula keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (CAT) yang mendapati bahawa Malaysia Airlines dan AirAsia tidak melanggar Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010.

Hakim Hanipah yang menyampaikan keputusan mahkamah berkata, CAT adalah pihak berkuasa rayuan dan MyCC mesti mematuhi keputusan CAT.

"Ia (MyCC) tidak boleh mengetepikan atau mencabar keputusan pihak berkuasa rayuan melainkan ia diperuntukkan di bawah Parlimen," katanya.

Hanipah berkata, mahkamah berpendapat MyCC bukanlah pihak yang terjejas oleh keputusan CAT itu.

Hanipah membenarkan bantahan awal Malaysia Airlines dan AirAsia bahawa MyCC tidak mempunyai locus standi (hak atau kedudukan di sisi undang-undang) untuk memfail semakan kehakiman terhadap keputusan CAT yang mengetepikan keputusannya (MyCC) untuk menganakkan denda RM10 juta.

Dua lagi hakim yang turut bersidang ialah Datuk Lee Swee Seng dan Datuk Indera Mohd Sofian Abd Razak dan panel hakim itu memerintahkan MyCC membayar kos RM30,000 masing-masing kepada Malaysia Airlines dan AirAsia.

Prosiding itu dijalankan secara persidangan video melalui aplikasi Zoom.

Dalam keputusan mahkamah itu, Hanipah berkata, perjanjian kerjasama itu dimeterai sebelum Akta Persaingan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012, sambil menambah ia adalah sah untuk membincangkan perjanjian tersebut pada waktu itu.

MyCC mendenda kedua-dua syarikat penerbangan, Malaysia Airlines dan AirAsia pada 2014 masing-masing RM10 juta kerana melanggar larangan perkongsian pasaran mengikut Seksyen 4(2) Akta Persaingan dengan memeterai satu perjanjian berhubung perkongsian pasaran dalam sektor perkhidmatan pengangkutan udara di Malaysia. BERNAMA